

# Ikhar Datuk Musa M. Pemilihan pucuk pimpinan perlu dihormati

**KUALA LUMPUR, Jumat** — Datuk Hussein Onn meminta seluruh ahli UMNO menghormati keputusan pemilihan pucuk pimpinan UMNO untuk tempoh tiga tahun akan datang.

"Keputusan yang dibuat hari ini mestilah dihormati," katanya ketika diminta mengulas kemenangan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden UMNO yang baru.

Dalam ucapan pendek dan ringkasnya, Datuk Hussein berkata, keputusan itu bukan keputusan seorang, tetapi dibuat oleh lebih 1,000 perwakilan.

Bellau menjelaskan semua kepimpinan parti dan negara akan penggantian. Sementara itu, Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad berkata, rombakan kabinet tidak mungkin dilakukan dengan segera.

## Bahaya

Ditanya bila bellau akan mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahatir berkata: "Terpujanglah kepada Datuk Hussein untuk menentukan tarikhnya." Sementara itu, Timbalan Presiden UMNO yang baru dipilih Datuk Musa Hitam, petang ini berlarik akan berusaha menjadikan UMNO lebih padu bagi menentang musuh-musuh negara dan parti yang sentiasa mencari kesempatan.

Bercakap kepada para pemberita selepas kemenangan, Datuk Musa yang juga Menteri Pelajaran mengatakan bahaya yang akan menimpa sekiranya berlaku pergeseran dalam parti dan kerajaan. "Saya menganggap kemenangan saya

sebagai satu tanggungjawab dan amanah yang amat berat kepada saya. "Saya berpendapat proses pemilihan yang berjalan itu menunjukkan ahli-ahli UMNO beratus-ratus orang yang menyedari tanggungjawab mereka terhadap bangsa dan negara."

Bellau mengucapkan terima kasih kepada semua ahli UMNO yang telah memilihnya ke jawatan tersebut.

Bagi saya apa yang baru berlaku itu adalah menunjukkan bukti ahli-ahli UMNO matang.

Ini juga membuktikan orang-orang Melayu adalah padu dan menunjukkan kepada dunia satu proses pemilihan yang berjalan licin, teganya. Saya berpendapat masyarakat berbilang kaum baru mencotohli apa yang dilakukan oleh UMNO," tambahnya.


Datuk Musa juga menaikan kemungkinannya sebagai kepercayaan yang diberikan oleh ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu seluruhnya kepada pimpinan Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad. Di samping itu Datuk Harun Haji Idris boleh meminta rayuan pengecualian kepada Pendaftar Pertubuhan bagi membolehkannya memegang jawatan Naib Presiden UMNO yang dimangahi petang ini, kata Menteri Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafiq.

Ketika mengulas kemenangan Datuk Harun sebagai Naib Presiden dengan Tan Sri Ghazali Shafiq memberi tahu Berita Harian bahwa Datuk Harun boleh membuat rayuan kepada Pendaftar. "Jika rayuan kepada Pendaftar Pertubuhan tersebut ditolak, maka rayuan boleh di-

kemukakan kepada beliau sendiri selaku Menteri Dalam Negeri," katanya.

Datuk Harun menang sebagai Naib Presiden bersama dua orang lagi iaitu Eneik Ghafar Baba dan Tengku Ahmad Riithaudden. Seramai tujuh orang calon berunding dan Datuk Harun menang tempat kedua. Di bawah pimpinan

Akta Pertubuhan yang baru, Datuk Harun dikehendaki memulaukan atap kepada untuk pengecualian jika mahu memegang sebarang jawatan di dalam pertubuhan sukaria. Mengenai ke-kalahannya, bellau berkata "Saya memang telah mengadu dari awal lagi."



**TIMBALAN** Presiden UMNO yang baru, Datuk Musa Hitam (atas) juga keputusan perundangan. Beliau juga Agung UMNO, Senator Datuk Mustafiz Dabar (kanan) bertepuk tangan. Ini diikuti tepukan gemuruh para perwakilan yang berada di Dewan juga berterima kasih kepada para perwakilan.

Gambar sebelah menunjukkan Datuk Hussein Onn yang melepaskan jawatan Presiden UMNO kepada Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad mengangkat kedua belah tangan

supaya setiap perwakilan menerima apa juga keputusan perundangan.

Sepanjang hari pertama Perhimpunan itu semalam, Datuk Hussein sentiasa riang dan sehal-sehalan bergurau senda dengan ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO lainnya. Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Akrib  
Negara Malaysia